

16 • Pembangunan Kampus



16.1 PENGENALAN

Pembangunan Kampus Induk UniMAP diurus oleh Unit Pengurusan Projek (UPP) di bawah Jabatan Pembangunan sejak 2007 selepas penamatan khidmat Perunding Pengurusan Projek (PMC), Unit ini memainkan peranan di dalam merancang, menyelaraskan dan memantau aktiviti pembangunan Kampus Induk selaras dengan peruntukan yang diperolehi mengikut tempoh Rancangan Malaysia.

Dengan keupayaan dan tenaga kepakaran yang ada, Unit Pengurusan Projek beriltizam untuk member fokus kepada membangunkan sebuah Kampus Alam yang kondusif dan sempurna untuk seluruh warga kampus.

Pembangunan Kampus Induk bermula di dalam Rancangan Malaysia Ke-8 (RMKe-8) lagi dimana dalam tempoh RMKe-8, proses pengambilan tanah melibatkan pelbagai pihak seperti tanah individu, FELDA dan juga tanah milik MBI berjaya diselesaikan.

Pembangunan Fizikal hanya bermula di dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9 : 2006-2010) di mana beberapa buah Pusat Pengajian dan bangunan sokongan berjaya dibangunkan berperingkat-peringkat secara berpakej.

UniMAP kini memiliki 2 kawasan tapak Kampus iaitu Kampus Alam di Pauh Putra dengan keluasan 1,028 ekar dan Kampus Hijau yang terletak di Sungai Chuchoh dengan keluasan tapak seluas 253 ekar.

Di dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (2011-2015) dan Rolling Plan Kedua RP2 (2017-2018) (RMK-11: 2016-2020), pembangunan fizikal hanya melibatkan Kampus Alam di Pauh Putra manakala Kampus Hijau di Sungai Chuchoh belum mendapat peruntukan pembangunan (DE).



Pelan Induk Kampus Induk Pauh Putra



Pandangan Aerial Kampus Induk Pauh Putra

16.2 RANCANGAN PROJEK PEMBANGUNAN TAHUN 2017

Peruntukan Belanja Pembangunan (DE)

Semenjak Rancangan Malaysia Ke-10, Kementerian Kewangan telah mengambil pendekatan berbeza dari segi pelaksanaan projek dimana agihan peruntukan diberikan secara *rolling plan* melibatkan beberapa *rolling plan* sepanjang tempoh 5 tahun Rancangan Malaysia.

Oleh yang demikian, tahun 2017 merupakan tahun kedua Rancangan Malaysia Ke-11 dibawah *Rolling Plan* yang kedua (RP2).

Pada tahun 2017 iaitu melalui *2nd Rolling Plan*, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM20,845,761.98 kepada UniMAP untuk melaksanakan projek-projek sedia ada (baru) dan projek-projek sediaada (sambungan). Projek-projek tersebut ialah :-

- i. Pembelian Peralatan Makmal - RM100,000 (Projek Sedia Ada Baru)
- ii. Pembinaan Bangunan Canselori/Pendaftar & Bendahari - RM25,000 (Projek Sedia Ada Sambungan)
- iii. Pembinaan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan - RM25,000 (Projek Sedia Ada Sambungan)
- iv. Pembinaan Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik - RM25,000 (Projek Sedia Ada Sambungan)
- v. Pembinaan Dewan Besar - RM25,000 (Projek Sedia Ada Sambungan)
- vi. PPP/PFI Kolej Kediaman 4,000 Pelajar - RM20,645,761.98 (Projek Sedia Ada Baru)

Selain daripada projek di atas, UniMAP juga terlibat dengan projek-projek yang berikut sepanjang tahun 2017:-

- vii. Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
- viii. Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi
- ix. Reservoir

Peruntukan Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI).

UniMAP telah menyiapkan 1 projek di bawah peruntukan inisiatif pembiayaan swasta (PFI) iaitu pembinaan asrama untuk 1,000 pelajar. Projek yang menelan belanja sebanyak RM32 Juta ini telah siap sepenuhnya pada Ogos 2013 yang lalu.

Selain daripada itu, melalui Unit Kerjasama Awam-Swasta (UKAS) di bawah Jabatan Perdana Menteri, UniMAP mendapat satu lagi projek inisiatif pembiayaan swasta (PFI) iaitu pembinaan asrama untuk 4,000 pelajar yang dinamakan PFI-2.


Secara keseluruhannya, terdapat 9 Projek yang dilaksanakan pada tahun 2017 dimana 8 projek merupakan projek fizikal dan 1 projek bukan fizikal. Butiran projek adalah seperti jadual dibawah :-

Jadual 16.1: Senarai Projek Pada Tahun 2017

| BIL. | SENARAI PROJEK | CATATAN | AGENSI PELAKSANA |
|------|---|-----------|------------------|
| 1. | ASRAMA PFI 2 | 100% Siap | UniMAP |
| 2. | PERALATAN MAKMAL | 21% Siap | UniMAP |
| 3. | PUSAT TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT) | 98% Siap | UniMAP |
| 4. | RESERVOIR | 92% Siap | JKR |
| 5. | JABATAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI (HEPA) | 85% Siap | JKR |
| 6. | BANGUNAN CANSELORI / PENDAFTAR & BENDAHARI | 22% Siap | JKR |
| 7. | DEWAN BESAR | 0.5% Siap | JKR |
| 8. | PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN BAHAN | 0.2% Siap | JKR |
| 9. | PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN SISTEM ELEKTRIK | | JKR |

16.3 PRESTASI KEWANGAN PROJEK PADA TAHUN 2017


Daripada RM 20.84 Juta peruntukan yang diterima melalui KPT, UniMAP telah membelanja sebanyak RM 31.51 Juta iaitu 151.2% daripada peruntukan tersebut. Prestasi perbelanjaan tahunan RMKe-11 (DE) adalah seperti Rajah 16.1 dibawah :-



Rajah 16.1: Prestasi Perbelanjaan Keseluruhan 2nd Rolling Plan 2017 RM Ke-11 (DE)

Peruntukan 2nd Rolling Plan RMK-11 : RM27.43 Juta

Prestasi perbelanjaan bulanan pada tahun 2017 ditunjukkan dalam Rajah 16.2 dibawah:-



Rajah 16.2: Prestasi Perbelanjaan Bulanan Bagi Tahun 2017 (DE)

16.4 PRESTASI PEMBANGUNAN TAHUN 2017

Pada tahun 2015 iaitu melalui 4th Rolling Plan, UniMAP telah menerima peruntukan sebanyak RM128.76 Juta untuk melaksanakan projek-projek baru. Projek-Projek tersebut ialah :-

- i. Bangunan Canselori / Pendaftar & Bendahari
- ii. Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan
- iii. Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik
- iv. Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
- v. Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi
- vi. Dewan Besar
- vii. Reservoir

Semua projek-projek tersebut diurus oleh agensi teknikal kebangsaan iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR) yang bertindak sebagai agensi pelaksana kecuali projek Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT) yang akan diurus oleh Jabatan Pembangunan UniMAP.



Gambar 1: Ilustrasi Bangunan Canselori / Pendaftar & Bendahari




Gambar 2: Tapak Cadangan Bangunan Canselori / Pendaftar & Bendahari (22% Siap)



Gambar 3: Ilustrasi Bangunan PPK Bahan Dan PPK Sistem Elektrik



Gambar 4: Tapak Cadangan Bangunan PPK Bahan Dan PPK Sistem Elektrik (0.2% Siap)



Gambar 5: Ilustrasi Bangunan Dewan Besar



Gambar 6: Tapak Cadangan Bangunan Dewan Besar (0.5% Siap)



Gambar 7: Ilustrasi Bangunan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA)



Gambar 8: Tapak Cadangan Bangunan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (85% Siap)

Projek pertama Rancangan Malaysia Ke-10 Rolling Plan Ke-4 yang berjaya dilancar pada tahun 2015 ialah Pembinaan Reservoir bagi bekalan simpanan air Kampus Induk Pauh Putra. Projek ini telah bermula pada 12hb Oktober 2015 dan dijangka siap pada 31hb Januari 2017 dengan kos projek sebanyak RM 9,867,540.00.



Gambar 9 : Projek Pembinaan Reservoir (91% Siap)

Projek kedua yang dilancar pada tahun 2015 ialah Pembinaan bangunan pentadbiran Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi. Projek ini bermula pada 1hb Dec 2015 dan dijangka siap pada 28hb November 2017 dengan menelan belanja sebanyak RM 6,351,086.25



Gambar 10 : Ilustrasi Bangunan Teknologi Maklumat & Komunikasi




Gambar 11 : Tapak Projek Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (92% Siap)

Dalam pada itu, UniMAP turut memperolehi peruntukan inisiatif pembiayaan swasta (PFI) sebanyak RM 32 Juta melalui Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan yang terkini sebanyak RM 129 Juta melalui Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Kementerian Kewangan. Melalui pembiayaan ini, Kolej Kediaman yang berupaya menempatkan 4,000 pelajar bagi PFI-2 sedang dibangunkan di Zon Selatan Kampus Tetap Pauh Putra.


Pembinaan Kolej Kediaman PFI-1 ini telah bermula pada Mac 2010 dan telah siap sepenuhnya pada Ogos 2013.

Manakala pembinaan Kolej Kediaman PFI-2 melibatkan 4000 pelajar telah mula dibina pada Disember 2013 dengan tempoh kontrak selama 30 bulan. Projek PFI-2 secara fizikalnya telah siap sepenuhnya pada 15hb Ogos 2016 yang lalu.





Gambar 12 : Tapak Cadangan & Ilustrasi Kolej Kediaman PFI-2



Gambar 13 : Kolej Kediaman PFI-2 (100% Siap)

16.5 PERMOHONAN PROJEK-PROJEK BARU RMKe-11 *Rolling Plan 3* (RP3 2018-2019)

Pada Tahun 2017, UniMAP telah memohon beberapa projek baru untuk dilaksanakan di dalam RP3, RMKe-11 pada tahun 2018-2019 nanti. Senarai projek-projek yang dipohon ialah :-

| BIL. | SENARAI PROJEK | KOS PROJEK (RM) |
|---------------|------------------------------|----------------------|
| 1. | Bekalan Elektrik 11kV | 6,697,271.00 |
| 2. | Pembelian Genset Data Centre | 1,000,000.00 |
| 3. | Pusat Islam / Masjid | 20,000,000.00 |
| JUMLAH | | 27,697,271.00 |

KESIMPULAN

Jabatan Pembangunan sentiasa komited dalam memastikan semua projek pembangunan dapat dilaksanakan mengikut perancangan bagi memastikan prasarana dan kemudahan akademik dapat disediakan mengikut keperluan pelanggan.

Dalam pada itu, inisiatif dan usaha dari semua pihak telah banyak membantu dalam memastikan prestasi peraksanaan projek pembangunan dapat ditingkatkan dari masa ke semasa.

KAMPUS TERAGIH UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

KANGAR

- Jabatan Canselor
- Pejabat Naib Canselor
- Pejabat Timb. Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- Pejabat Timb. Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- Jabatan Pendaftar
- Jabatan Pembangunan
- Jabatan Bendahari
- Jabatan Keselamatan
- Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi
- Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari (LEAD)
- Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan & Teknousahawan (PPIPT)
- Pusat Kecemerlangan (ACE)
- Pusat Kecemerlangan (UAS)
- Unit Media
- Unit Audit Dalam
- Unit Perundangan & Integriti
- Unit Pengurusan Aset & Inventori
- Unit Pengurusan Harta
- Unit Kebudayaan & Rekreasi
- Pejabat UniMAP Holding Sdn Bhd.
- Unit Perumahan & Peningapan Pelajar (U3P)
- Kolej Kediaman Tun Abdul Razak (KKB)
- Klinik UC
- Taska & Tadika Pewaris Generasi UniMAP

SUNGAI CHUCHUH

- Fakulti Teknologi Kejuruteraan
- Pusat Pengajian Diploma
- Kolej Kediaman UNICITI Alam
- Klinik Kesihatan
- Pejabat Institut Agroteknologi Lestari (INSAT)
- 14 ekar kawasan tanam untuk Stesen Agroteknologi
- Dewan Kuliah, Bilik Kuliah & Makmal

KUBANG GAJAH

- Unit Komunikasi Korporat
- Pejabat Palapes
- Pejabat Relasis
- Pejabat Suksis
- Pejabat Timb. Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
- Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi
- Dewan Serbaguna
- Dewan & Bilik Kuliah
- Makmal
- Tempat Penyimpanan Bas UniMAP

WANG ULU

- Kolej Kediaman Tan Sri Aishah Ghani (KKG)
- Klinik Kesihatan

TAMAN AMAN

- Kolej Kediaman Antarabangsa

WANG ULU

TAMAN AMAN

KANGAR

JEJAWI

KUBANG GAJAH

KAMPUS INDUK PAUH PUTRA

KAMPUS INDUK PAUH PUTRA, ULU PAUH

- Unit Pengurusan Projek (Jab. Pembangunan)
- PPK Mekatronik
- PPK Pembuatan
- PPK Mikroelektronik
- PPK Sistem Elektrik
- PPK Komputer & Perhubungan
- Institut Matematik Kejuruteraan
- Pusat Kejuruteraan & Inovasi
- Pusat Kerjasama Industri & Agensi Pekerjaan
- Unit Teknologi Sukan Permotoran
- Pusat Hal Ehwal Antarabangsa
- Pusat Kecemerlangan Renewable Energy (CERE)
- Kilang Mengajar
- Pusat Islam
- Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
- Jabatan Keselamatan
- Pusat Sukan
- Pusat Bahasa Antarabangsa UniMAP FM
- Pusat Data ICT
- Stor (Jab. Pembangunan)
- Perpustakaan Tunku Syed Faizuddin Putra
- Kompleks Sukan Syed Sirajuddin Areeb Putra
- Litar UniMAP (Go-Kart)
- Kolej Kediaman Tunku Abdul Rahman (KKA-PFI 1)
- Kolej Kediaman Tunku Abdul Razak (KKB - PFI 2)
- Kolej Kediaman Pauh Putra
- Klinik Kesihatan

KUALA PERLIS

- Pusat Kecemerlangan Industri (AMBIENCE)
- Rumah Tetamu Chalet Kurong Tengar

KUALA PERLIS

SERIAB

- **BLOK A**
- Pusat Pengajian Siswazah
- Institut Kajian Strategik, Kepimpinan & Komuniti
- Institut Kejuruteraan Nano Elektronik
- Pusat Penerbitan
- Pusat Kajian Institusi Raja Malaysia

BLOK B

- Unit Kelayakan & Akreditasi (UNIKA)
- Kluster Penyelidikan

BLOK C

- Unit Multimedia

BLOK D

- Unit Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan
- Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti (PUSPEK)

SERIAB

SIMPANG EMPAT

SIMPANG EMPAT

- Kolej Kediaman Tun Abdullah Ahmad Badawi (KKI)

JEJAWI

- Pusat Pengajian Pembangunan Insan & Teknokomunikasi (iKOM)
- PPK Bahan
- Pusat Kecemerlangan Geopolimer & Teknologi Hijau (CEGeoGTech)
- Pusat Kecemerlangan Sensor Teknologi Maju (CEASTech)
- PPK Bioproses
- PPK Alam Sekitar
- Pusat Pembangunan Keusahawanan, Pengkomersilan & Pengurusan Harta Intelek
- Pusat Ko-Kurikulum
- Pejabat Majlis Profesor
- Dewan & Bilik Kuliah
- Makmal

